

Kenderaan polis pengiring jenis Proton X70 pecah cermin dan kemek

Oleh HISYAMUDDIN
AYUB dan AHMAD
ISMADI ISMAIL
KUALA LUMPUR



Hujan lebat serta angin kuat menyebabkan sebatang pokok tumbang dan hampir menimpa kenderaan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh di Jalan Pinang, dekat sini jam 3.26 petang pada Isnin.

Bagaimanapun pokok yang tumbang itu tidak mengenai kenderaan yang dinaikinya Ab Rauf, namun kereta polis pengiring jenis Proton X70 yang berada hadapan sekali terkena pokok yang tumbang.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa mengesahkan kejadian itu dan pihaknya ada menerima laporan pokok tumbang tersebut.

Beliau berkata, kejadian po-

Kereta Ketua Menteri Melaka nyaris dihempap pokok

kok tumbang berhadapan Kuwait Bank itu hampir mengenai kenderaan Ketua Menteri Melaka yang mempunyai urusan kerja di Kuala Lumpur.

"Tiga buah kereta orang awam dan lima buah motosikal awam termasuk sebuah kenderaan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang bertindak sebagai konvoi kereta pengiring Ketua Menteri Melaka terlibat dalam kejadian pokok tumbang tersebut," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Pegawai Media Ketua Menteri Melaka, Shahnor Samsudin, dilaporkan berkata, ketika kejadian, rombongan Ab Rauf yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara sedang melalui kawasan tersebut untuk menghadiri satu urusan rasmi di ibu kota.

"Kejadian pokok tumbang berlaku depan mata. Lokasi di Jalan Pinang berhampiran KLCC, hampir kena kereta bos (Ab Rauf)," ujarinya.

Katanya, anggota yang berada dalam kenderaan selamat, bagaimanapun cermin belakang kereta pengiring pecah dan keadaan bahagian belakang kereta juga kemek.

Tambahnya, sebelum kejadian, dia dan pegawai yang lain di dalam kenderaan terdengar satu bunyi kuat, seakan-akan sesuatu mahu jatuh dan tumbang.

"Kebetulan ketika kejadian saya dan pegawai lain sedang berborak tentang pokok tumbang sebab keadaan masa tu memang hujan yang sangat lebat.

"Sekelip mata sahaja betul-betul jadi depan mata dan hampir terkena kereta kenderaan pelbagai guna Toyota Vellfire warna merah depan kami," katanya.



Kejadian pokok tumbang yang berlaku di Jalan Pinang, Kuala Lumpur pada petang Isnin.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil tindakan segera dengan me-

nebang pokok yang berisiko tinggi di Kuala Lumpur.

Ia susulan berlaku insiden pokok tumbang pada Isnin yang hanya berselang seminggu dari kejadian di Jalan Sultan Ismail.